



SIARAN MEDIA

KIOSK BAHARU MAJLIS DAERAH REMBAU DI SUNGAI LAYANG

REMBAU, 16 Januari 2023 - Membuka lembaran tahun baru 2023, Majlis Daerah Rembau (MDR) memperkenalkan sepuluh (10) unit kiosk baharu di Sungai Layang, Rembau. Ianya dibina bagi memberi peluang dan ruang yang lebih baik agar dapat memperkasakan lagi kegiatan ekonomi para peniaga di Daerah Rembau amnya.

Projek pembangunan terbaru di Daerah Rembau iaitu Taman Seraya Rembau akan membina persimpangan jalan lampu berisyarat dimana projek persimpangan tersebut akan dinaiktaraf dari dua lorong kepada lima lorong dan ianya melibatkan gerai-gerai sedia ada di tepi jalan. Pembinaan ini dibuat untuk memberi keselesaan dan keselamatan bagi para peniaga dan bakal penduduk kawasan perumahan terbabit. Pembinaan persimpangan ini juga melibatkan kesemua gerai ditepi jalan yang mana perlu dialihkan ke lokasi yang lebih sesuai bagi memberi laluan pembangunan pelebaran jalan tersebut.

Sehubungan dengan itu, MDR telah mengadakan perjumpaan dengan semua peniaga yang terlibat pada 13 April 2021 bersama YB Dato' Hj Mohamad Taufek Bin Abd Ghani di Dewan Orang Ramai Chengkau bagi mencari kata sepakat dimana majoriti peniaga telah bersetuju untuk berpindah di kawasan yang dicadangkan. Bagi membantu peniaga yang kurang berkemampuan, MDR telah mendapatkan kerjasama daripada Jabatan-Jabatan yang lain seperti Baitulmal, Jabatan Kebajikan Masyarakat, Pejabat Daerah Dan Tanah Rembau (Bahagian Perumahan) dan Bahagian Perumahan SUKNS untuk sama-sama membantu peniaga tersebut didalam proses perpindahan ke kiosk yang baharu.

MDR juga telah menyediakan jentera dan kakitangan bagi memastikan segala proses pemindahan ini berjalan dengan lancar dan meringankan beban serta dapat membantu peniaga yang terlibat.

Tuan Mohamad Najib bin Mustafa, selaku Pegawai Daerah, Daerah Rembau menyifatkan kerjasama ini merupakan satu tindakan yang sangat baik dan proaktif bagi melancarkan segala urusan peniaga dan pihak berwajib. Disamping itu, beliau berharap agar kerjasama seperti ini dapat diteruskan pada masa akan datang dan mengucapkan terima kasih kepada semua jabatan yang terlibat.

Dikeluarkan oleh: Jabatan Khidmat Pengurusan
b.p. Tuan Yang DiPertua
Majlis Daerah Rembau